

LAPORAN KEPUTUSAN KES PENDAKWAAN

Sim Yam Hok Industries Sdn. Bhd. (OKS) telah dituduh di Mahkamah Sesyen Batu Pahat atas dua pertuduhan di bawah subseksyen 37(3)(e) Akta Bekalan Elektrik 1990 atas kesalahan menghalang apa-apa meter atau alat sedemikian rupa daripada merekodkan dengan sempurna keluaran atau pengunahabisan elektrik. Pada tarikh 29 Mac 2022, OKS telah mengaku bersalah terhadap kedua-dua pertuduhan dan Mahkamah Sesyen Batu Pahat telah menjatuhkan hukuman denda RM10,000.00 bagi setiap pertuduhan.